NIOSH Sasar 1,400 Hadir Ke COSH2013

Publish on: **Apr 19, 2013 @ 10:27**



# NIOSH sasar 1,400 hadiri COSH

**Bangi:** Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menyasarkan lebih 1,400 peserta menghadiri Persidangan dan Pameran Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (COSH) kali ke-16 pada 25 hingga 27 Jun depan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Pengerusinya Tan Sri Lee Lam Thye berkata, penganjuran COSH di Sunway Pyramid tahun lalu menyaksikan 1,100 peserta hadir ke pameran itu membabitkan 40 syarikat pempamer dan 60 gerai jualan dibuka.

"Bagi tahun ini, kami (NIOSH) menyasarkan kehadiran lebih 1,400 peserta dan 80 gerai pameran untuk dibuka," katanya bercakap pada Majlis Pra Pelancaran Cosh di Dewan Rafflesia, Ibu Pejabat Niosh, di sini, semalam.

LEE

Menurut Lee, pihaknya berpuas hati dengan penganjuran lalu berikutan sambutan baik kebanyakan syarikat dan pekerja termasuk Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

"Kami mengalu-alukan kehadiran mana-mana syarikat dan pekerja untuk terlibat penganjuran kali ini," katanya.